


► Tatabahasa

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, padankan jenis frasa dengan betulnya.

SP 5.4.1



Kumpulan Seni Budaya Kampung Kenangan akan mengadakan persembahan kebudayaan pada minggu hadapan. Persembahan itu akan diadakan di dewan auditorium. Kumpulan Seni Budaya Kampung Kenangan ialah kumpulan seni yang ditubuhkan pada tahun 2000.

Encik Zainal merupakan ketua kumpulan tersebut. Encik Zainal sungguh aktif dalam persembahan kebudayaan. Kumpulan itu akan mempersermbahkan tarian canggung. Tarian yang berasal dari Perlis ini masih terkenal sehingga kini.

1 Kumpulan Seni Budaya Kampung Kenangan

○ Frasa sendi nama

2 di dewan auditorium

○ Frasa adjektif

3 sungguh aktif

○ Frasa kerja

4 mempersermbahkan tarian canggung

○ Frasa nama



Nota Tatabahasa

Frasa ialah binaan yang boleh dibentuk daripada satu patah perkataan atau rentetan beberapa patah perkataan yang berfungsi sebagai konstituen dalam ayat, sama ada sebagai subjek, predikat, objek, keterangan. Frasa terbahagi kepada empat jenis, iaitu:

Frasa nama	Frasa nama ialah nama atau sekumpulan kata yang perkataannya utamanya terdiri daripada kata nama. Contoh frasa nama ialah <i>Kumpulan Seni Budaya Kampung Kenangan</i> , <i>persembahan kebudayaan</i> , <i>dewan auditorium</i> .
Frasa kerja	Frasa kerja ialah sekumpulan kata yang perkataannya utamanya terdiri daripada kata kerja. Contoh frasa kerja ialah <i>mempersermbahkan tarian canggung</i> , <i>menyanyikan lagu</i> , <i>memberikan wang</i> , <i>dibuat daripada</i> .
Frasa adjektif	Frasa adjektif ialah sekumpulan kata yang perkataannya mempunyai kata adjektif sebagai kata utama. Contoh frasa adjektif ialah <i>sungguh aktif</i> , <i>lebih pantas</i> , <i>sudah tua</i> , <i>bersih</i> .
Frasa sendi nama	Frasa sendi nama terdiri daripada sekumpulan kata sendi nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu. Contoh frasa sendi nama ialah <i>di dewan auditorium</i> , <i>padang</i> , <i>untuk</i> , <i>banjir</i> , dan <i>ke kedai runcit</i> .